

Utamakan logo halal pada jajan

■ NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU - Masyarakat diminta lebih peka terhadap logo halal dipamerkan pada makanan terutama makanan ringan digemari kanak-kanak kerana dikhuatiri mengandungi campuran bahan yang meragukan.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, makanan ringan yang tiada logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau majlis agama Islam negeri menunjukkan kandungan makanan tersebut tidak mendapat pengiktirafan.

"Halalan toyyiban bukan bererti bersih sahaja, tetapi proses menghasilkan makanan melalui proses campuran masakan dan pelbagai ramuan yang ada di dalam makanan itu. Konsep halal ini bukan sahaja diuruskan Jakim tetapi



Jamil Khir bersalaman bersama seorang pelajar ketika hadir pada program Santai Menteri Mentor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), semalam.

juga Kementerian Kesihatan untuk lihat kandungan, campuran dan sebagainya bagi sesuatu produk.

"Kalau produk yang ada logo halal, ia menunjukkan

telah dikenal pasti tidak melanggar arahan dari sudut kesihatan dan kebersihan. Kalau ada yang tiada logo halal, ia belum dapat pengiktirafan. Jadi masyarakat perlu peka

terhadap perkara itu," katanya ketika ditemui pada program Santai Menteri Mentor Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza), semalam.

Mengulas mengenai

tindakan sesetengah pihak yang cuba mengemukakan sijil halal yang tidak diiktiraf, pihaknya sentiasa memantau di semua peringkat di seluruh negara.

"Tidak dinafikan terdapat usaha memalsukan sijil halal, tetapi kita di pihak kerajaan sentiasa menjalankan penguatkuasaan, di mana terdapat seramai 62 pihak penguat kuasa selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) yang diberi kuasa menjalankan penguatkuasaan.

"Ada banyak lagi bahagian-bahagian lain yang turut serta memantau sesuatu produk makanan.

"Jadi, sekiranya ada produk makanan yang tiada tanda halal seperti yang disebutkan sebelum ini, ia bukan di bawah pemantauan Jakim kerana produk yang ada sijil halal itu yang

dipantau Jakim," katanya.

Dalam perkembangan lain, mengulas mengenai Indeks Maqasid Syariah yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, beliau berkata, ia perlu difahami golongan pelajar supaya matlamat kerajaan dalam memenuhi matlamat pentadbiran negara berlandaskan syariah tercapai.

"Kita harap saranan Perdana Menteri agar Malaysia memainkan peranan ke arah penubuhan Indeks Maqasid Syariah Antarabangsa bagi mengukur komitmen sesebuah negara dalam melaksanakan syariat Islam dapat dilaksanakan.

"Apa yang disebut Perdana Menteri perlu untuk bantu kita lengkapkan lagi dan naik taraf bidang-bidang dan jurusan yang perlu kita diperkemas dalam konteks pentadbiran Islam dalam Malaysia," katanya.